

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
05 JUN 2021	12 JULAI 2021	22 SEPT 2021

Konsep Qudwah Hasanah dalam Dialog Nabi Ibrahim dalam Al-Qur'an.

The Concept of Qudwah Hasanah in the Dialogue of Prophet Ibrahim in the Qur'an.

Norafidah Binti Gordani¹

ABSTRAK

Fenomena Islamofobia telah mengundang salah faham dan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Ini ditambah dengan sikap para pendakwah yang segelintirnya membawa imej tidak baik dan mencetus pelbagai kontroversi dalam kalangan masyarakat. Kelemahan ini dilihat salah satu penyebab kegagalan dalam usaha dakwah kepada bukan Islam di Malaysia. Justeru, kajian ini akan mengetegahkan pendekatan dilalog Nabi Ibrahim dalam al-Qur'an yang dikenali sebagai salah seorang rasul diutuskan Allah SWT sebagai pembawa risalah Islam sekaligus membawa keindahan Islam melalui akhlak mulia melalui konsep *qudwah hasanah*. Justeru, metodologi kajian ini menggunakan teknik analisis kandungan teks yang disokong dengan sumber-sumber primer iaitu al-Quran dan Hadis Nabi SAW serta kajian para sarjana Islam dalam bidang dakwah. Impilaksi kajian ini nanti akan membina satu konsep *qudwah hasanah* dalam pendekatan dialog Nabi Ibrahim berasaskan ayat-ayat dialog dalam al-Qur'an yang boleh dijadikan sebagai panduan para pendakwah.

Kata kunci: *Dialog, Qudwah Hasanah, Nabi Ibrahim, al-Qur'an*

ABSTRACT

The phenomenon of Islamophobia has invited misunderstandings and negative perceptions among non-Muslims. This is compounded by the attitude of the preachers, some of whom carry a bad image and spark various controversies among the community. This weakness is seen as one of the reasons for the failure of dakwah efforts to non-Muslims in Malaysia. Thus, this study will confirm the approach of Prophet Ibrahim in the Qur'an who is known as one of the messengers sent by Allah SWT as the bearer of the message of Islam and bringing the beauty of Islam through noble morals through the concept of qudwah hasanah. Thus, the methodology of this study uses text content analysis techniques that are supported by primary sources namely the Quran and the Hadith of the Prophet (PBUH) as well as the study of Islamic scholars in the field of da'wah. The impact of this study will build a concept of qudwah hasanah in the dialogue approach of Prophet Ibrahim based on the dialogue verses in the Qur'an that can be used as a guide for preachers.

Keywords: *Dialogue, Qudwah Hasanah, Prophet Ibrahim, al-Qur'an*

¹ Norafidah Binti Gordani, Calon Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), email: abiddhaif@gmail.com

Pendahuluan

Nabi Ibrahim merupakan salah seorang rasul ulu al-Azmi dan digelar sebagai ‘*Abb al-anbiyā*’ (bapa kepada para nabi). Ketokohan baginda ini wajar dirujuk dalam merealisasikan usaha-usaha dakwah khususnya yang berkaitan dengan teknik dan manhaj dakwah. Al-Qur’an memaparkan keunggulan baginda dalam menyampaikan dakwah meliputi semua peringkat umat manusia, bermula dari ahli keluarga baginda, kaum hinggalah kepada penguasa di zaman tersebut Rohaily & Nor Raudah (2018). Muhd. Najib Abdul Kadir et al (2013) dan Muhamad Khairul Anuar & Mohd Zulkhairi (2021) juga menyatakan bahawa Al-Qur’an menyebutkan tentang kisah Nabi Ibrahim dalam beberapa surah seperti surah Hud, Surah al-Syu’ara’, Surah al-Hijr dan beberapa lagi. Namun, dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada beberapa surah yang memaparkan dialog yang berlaku antara Nabi Ibrahim kepada ayahnya, kaumnya dan penguasa di zaman baginda kemudian mengenalpasti kepelbagaian konsep *Qudwah hasanah* yang digunakan baginda dalam mendepani sasaran dakwah yang berbeza.

Konsep Qudwah Hasanah

Qudwah dari sudut bahasa menurut al-Ba‘labaki (1995) bermaksud contoh, teladan, atau model. *Hasanah* pula menurut beliau sebagai perbuatan yang baik. Apabila digabungkan antara *qudwah* dan *hasanah* maka menjadi satu maksud yang ideal iaitu “contoh teladan yang baik”. Ibn Khaldun (1993) dalam Azmil Hashim et al (2016) mendefinisikan *Qudwah* sebagai contoh teladan yang baik yang perlu diberi perhatian. Islam mengakui bahawa medium dakwah yang paling efektif dan berpengaruh adalah melalui contoh teladan. Nabi Ibrahim mempamerkan akhlak mulia dan menjadi contoh teladan yang baik (*Qudwah Hasanah*) kepada umat Islam dalam berdakwah. Konsep teladan yang baik ini dinyatakan dalam al-Qur’an melalui terma *uswah* dengan maksud yang sama dengan *Qudwah*. sepertimana Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada (Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya) itu contoh ikutan yang baik...” (Surah al-Mumtahanah 60: 6)


لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik...” (Surah al-Ahzab 33:21)

Ibn ‘Ashur (1984) dalam mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa ikutan yang baik ini membawa maksud seseorang mengikut apa yang dilakukan oleh contoh teladan yang diikutinya dengan mengamalkan apa sahaja amalan seperti yang diamalkan oleh orang yang diikutinya. Asalnya, ayat ini dikhususkan oleh Allah SWT bagi memuji para sahabat yang tetap berpegang teguh mempertahankan Islam bersama Rasulullah SAW dalam peperangan. Mereka juga telah menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan yang baik dalam kehidupan mereka ketika berjuang. Kemudian, maksud daripada ayat ini telah diumumkan kepada semua iaitu dengan menjadikan para rasul dan nabi sebagai ikutan yang baik, khususnya dari sudut kesabaran, keberanian, dan keteguhan pendirian mereka dalam berjuang di jalan dakwah.

Konsep *Qudwah Hasanah* ini telah dijenamakan semula oleh sarjana barat sepertimana Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1999) dalam Khairulhelmi Katip et al (2017) yang menyatakan bahawa manusia bertindak balas terhadap pemerhatian yang dilaksanakan melalui

pancaindera mata, lidah dan telinga. Dalam konteks dakwah, ianya diubahsuai dan dijelaskan melalui rajah berikut;



Rajah 1.0: Teori Albert Bandura (1999) dalam Khairulhelmi Katip et al (2017)

Qudwah Qauliyyah

Qudwah Qauliyyah bermaksud contoh teladan melalui perkataan seseorang. Perkataan yang dimaksudkan ini termasuklah pemilihan laras bahasa dan uslub gaya bahasa (penegasan dan lemah lembut). ‘Ulwān, ‘Abd Allah Nāsih (1986) dalam “*Kayfa Yad‘ū al-Dā‘iyah*” menyebutkan di antara metode dakwah Rasulullah SAW dalam berdialog adalah dengan mengambil kira aspek pemilihan laras bahasa mengikut kesesuaian sasaran dakwah.

Qudwah Fi'liyyah

Qudwah Fi'liyyah bermaksud contoh teladan melalui perbuatan seseorang. Perbuatan yang dimaksudkan ini termasuklah lontaran hujah-hujah yang kukuh dan sahih, menjaga akhlak dalam berdialog khususnya dalam menjaga emosi ketika marah.

Qudwah Sahsiyyah

Qudwah Sahsiyyah bermaksud contoh teladan melalui personaliti seseorang. Perbuatan yang dimaksudkan ini termasuklah personaliti menarik, wajah yang manis dan mempamerkan kemesraan bukannya kebencian. Rasulullah SAW sentiasa mempamerkan wajah yang manis dan senyuman kepada sesiapaupun termasuklah kepada musuh Islam (‘Ulwān, ‘Abd Allah Nāsih, 1986).

Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan kajian kualitatif. Bagi mencapai penganalisaan yang berkesan, pengkaji perlu mengikuti garis panduan seperti berikut; meneliti isi kandungan, menilai hujah dan fakta, membuat perbandingan, membuat kritikan positif dan seterusnya membuat kesimpulan (Ahmad Sunawari Long, 2018). Berdasarkan garis panduan ini, saya pengubahsuaian telah dilakukan bagi menjalankan kajian berikut:

- Mengeluarkan ayat-ayat yang berkaitan dengan Nabi Ibrahim
- Mengasingkan ayat-ayat dialog.
- Mengklusterkan ayat-ayat dialog berdasarkan tiga tema dialog.
- Menganalisis ayat-ayat berkaitan.
- Kemudian penganalisaan data akan menggunakan kaedah tafsir *maudhū’i* (tematik) untuk mendapatkan kesimpulan.


Analisis Data Kualitatif

a. Kaedah Tafsir *Maudu'i* (Tematik)

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan menggunakan metode tafsir *maudu'i* atau tematik yang dikemukakan oleh Al-Aṭrāsh (2008). Langkah-langkah menggunakan metode tafsir *maudu'i* adalah seperti berikut:

- i. Pengumpulan ayat-ayat yang berselerakan kedudukannya dalam al-Qur'an.
- ii. Melakukan pengolahan dengan cara tersusun.
- iii. Membentuk satu tema menerusi ayat-ayat dan pengolahan yang dilakukan.
- iv. Menyertakan keterangan makna secara umum yang membantu kesempurnaan tema perbincangan.

Metodologi kajian dapat dirumuskan dalam jadual berikut:



Hasil Kajian

Dapatan kajian ini menghasilkan tiga tema utama berdasarkan dialog Nabi Ibrahim, iaitu tema dialog dengan ayahnya, tema dialog dengan penguasa dan tema dialog dengan kaumnya. Dapatan kajian diterangkan melalui jadual di bawah:

- a. Tema pertama: Dialog Nabi Ibrahim Dan Ayahnya. Menurut Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2011:299-300) “Āzar” pada ayat ini masih diperdebatkan oleh sebahagian ulama. Secara umum ada beberapa versi yang menyebutkan bahawa Āzar adalah ayah kepada Nabi Ibrahim. Pendapat yang menyatakan bahawa Āzar adalah ayah kepada Nabi Ibrahim ini dipegang oleh al-Ḍaḥḥāk. Beberapa riwayat lain seperti riwayat al-Sadi, Muhammad bin Ishak, Saʿīd bin Abdul Aziz juga menyebutkan bahawa Āzar merupakan ayah Nabi Ibrahim. Sementara itu, sebahagian yang lain menyatakan Āzar bukanlah ayah Nabi Ibrahim. Āzar yang dimaksud dalam ayat merupakan nama seorang lelaki yang membuat berhala. Adapun ayah Nabi Ibrahim bernama Yazar. Pendapat ini diriwayatkan dari Abi Hatim dan Ibnu Abbas. Demikian juga riwayat dari Abi Syaibah, Ibn Jarir, Ibn Munzir, dan Mujahid, bahawa Āzar bukan ayah Nabi Ibrahim, tetapi nama seorang pembuat berhala. Versi terakhir menyebutkan ayah kepada Nabi Ibrahim bernama Tarih.

Analisis Surah Maryam 19: 41-48;

Ayat	Maksud	Tafsir	Aspek
Ayat 42	“Ketika ia berkata kepada bapanya:” Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?”	Nabi Ibrahim memanggil ayahnya dengan panggilan yang sangat lembut (<i>Ya Abati</i>) (al-Šābūni, 1981:218).	<i>Qudwah Qauliyyah</i> dan <i>Qudwah Sahsiyyah</i>
Ayat 43	“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul”	Mengulangi nasihatnya dengan lembut tanpa menyatakan akan kejahatan ayahnya kerana menyembah berhala, akan tetapi menyebut bahawa Allah SWT telah memberinya ilmu dan makrifat yang ayahnya tidak ketahui (al-Alūsī, t.t:97).	<i>Qudwah Qauliyyah</i> , <i>Qudwah Fīliyyah</i> dan <i>Qudwah Sahsiyyah</i>
Ayat 44	"Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya”	Menguatkan dalil larangan menyembah berhala dan kewajiban menyembah selain Allah SWT (al-Alūsī, t.t:97).	<i>Qudwah Fīliyyah</i>
Ayat 45	“Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya...”	Nabi Ibrahim menggunakan uslub <i>Tarhib</i> (amaran) (al-Šābūni, 1981:218).	<i>Qudwah Fīliyyah</i>
Ayat 46 & 47	“Bapanya menjawab: "Patutkah engkau bencikan tuhan-tuhanku, wahai Ibrahim?” Nabi Ibrahim berkata “Selamat Tinggal wahai ayah, aku akan memohon kepada tuhanku agar mengampuni dosamu...”	al-Baydhāwī berkata: Āzar membalas kelembutan anaknya Ibrahim dengan kekasaran dan kebencian. Nabi Ibrahim memanggil dengan (<i>Ya Abati</i>) “Wahai Ayahku” dan dibalas ayahnya dengan panggilan (<i>Ya Ibrahim</i>) “Wahai Ibrahim” menjelaskan keingkaran tanpa perasaan cinta dan kasih.	<i>Qudwah Sahsiyyah</i>

		Namun, Nabi Ibrahim menjawab dengan kelembutan bahkan meminta Allah SWT mengampunkan dosa ayahnya (al-Ṣābūnī, 1981:218).	
--	--	--	--

b. Tema Kedua: Dialog yang berlaku di antara Nabi Ibrahim dan “*Orang yang berhujah*” al-Suyūṭī (2004:43), Ibnu Kathīr (2000:686) dan al-Fayrūzābādī (1992:47) dan al-Ṣābūnī, Muhammad Ali (1981:165) bersepakat menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan “*orang yang berhujah*” itu adalah Raja Namrud bin Kan’an bin Kusyih bin Sam bin Nuh.

Analisis Surah al-Baqarah 2:258 dijelaskan dalam rajah berikut;

Ayat	Maksud	Tafsir	Aspek
Ayat 258	“Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan". Ia menjawab: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan". Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?" Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.”	Sayyīd Qutb (2000:297) dalam <i>Tafsīr Fī Zilāl al-Qur’ān</i> menyebutkan bahawa raja yang berhujah ini sebenarnya bukanlah mengingkari kewujudan Allah SWT akan tetapi mengingkari sifat <i>Uluhiyyah</i> (Allah SWT yang Esa yang wajib disembah) dan sifat <i>Rububiyyah</i> (Allah SWT yang mentadbir alam semesta ini dan yang menetapkan hukum alam ini). Qatādah dalam <i>Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm</i> berkata: Nabi Ibrahim memanggil dua orang lelaki yang berhak dibunuh. al-Fayrūzābādī (1992:47) menyatakan dua orang lelaki itu adalah tahanan dari penjara. Kemudian, salah seorang dari keduanya itu dibunuh dan salah seorang dibiarkan hidup dan diampunkan kesalahannya. Itulah yang dimaksudkan bahawa Nabi Ibrahim bahawa “aku juga boleh menghidupkan dan mematikan”. Ibnu Kathīr menyebutkan	<i>Qudwah Qauliyyah, Qudwah Fi’liyyah dan Qudwah Sahsiyyah</i> Menjawab Hujah dengan logik akal Mematahkan hujah lawan dengan hujah

		bahawa tafsir ayat “Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?"” adalah seolah-olah memberikan pertanyaan kepada Raja Namrud, “adakah kau mampu melakukan seperti apa yang dilakukan Tuhanku? Lalu, beliau terdiam dan tidak dapat memberikan hujah balas.	yang tidak boleh disangkal.
--	--	---	-----------------------------

c. Tema Ketiga: Dialog yang berlaku di antara Nabi Ibrahim dan kaumnya
Analisis Surah Al-Syu'ara' 26:72-82;

Ayat	Maksud	Tafsir	Aspek
Ayat 72 & 73	Nabi Ibrahim bertanya: "Adakah berhala-berhala itu mendengar kamu semasa kamu menyerunya?" Atau mereka dapat memberikan sesuatu yang ada manfaatnya kepada kamu ataupun menimpakan sesuatu bahaya?"	Nabi Ibrahim menjawab dengan keadaan menegur dengan baik (al-Ṣābūni, Muhammad Ali, 1981:383-386)	<i>Qudwah Qauliyyah, Qudwah Fi'liyyah dan Qudwah Sahsiyyah</i>
Ayat 74	Mereka menjawab: "(Tidak satupun!) Bahkan kami dapati datuk nenek kami berbuat demikian"(74)	<i>Abu Mas'ud berkata:</i> Mereka sebenarnya mengakui bahawa berhala itu tidak memberi manfaat atau mudharat, akan tetapi mereka menyembahnya semata-mata kerana <i>taqlid</i> (mengikut nenek moyang mereka), dengan maksud hujah mereka sudah habis. (al-Ṣābūni, Muhammad Ali, 1981:383-386)	<i>Qudwah Fi'liyyah</i>
Ayat 75 & 76	Nabi Ibrahim berkata: "Sudahkah kamu berfikir sehingga nampak gunanya benda-benda yang kamu sembah itu?".(Yang sekian lama disembah oleh) kamu dan datuk nenek kamu yang dahulu?	Nabi Ibrahim menjawab dengan melontarkan soalan; bertujuan memberikan ruang berfikir (al-Ṣābūni, Muhammad Ali, 1981:383-386)	<i>Qudwah Fi'liyyah</i>
Ayat 77 - 82	"(Aku bertanya demikian) kerana sesungguhnya	<i>Mura'ā Adab:</i> "Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang	<i>Qudwah Fi'liyyah</i>

	berhala-berhala itu ialah musuhKu, (aku tidak menyembah) melainkan Allah Tuhan sekalian alam; "Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dia lah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku; "Dan Tuhan yang Dia lah jua memberiku makan dan memberi minum. "Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku; "Dan (Dia lah) yang mematikan daku, kemudian Ia menghidupkan daku;"Dan (Dia lah) yang aku harap-harapkan supaya mengampunkan dosaku pada hari kiamat;	menyembuhkan penyakitku": Nabi Ibrahim menggunakan perkataan (<i>Maridhtu</i>) "aku sakit" tetapi tidak menggunakan (<i>Amradhanī</i>) "aku diberikan sakit sebagai menjaga adab kepada Allah SWT. Ini kerana keburukan tidak akan disandarkan kepada Allah SWT sebagai adab sebagai hamba. Hakikatnya, sakit dan penawar itu adalah milik Allah SWT (al-Ṣābūnī, Muhammad Ali, 1981:383-386)	
--	---	--	--

Rumusan

Daripada analisis kepada beberapa ayat dialog Nabi Ibrahim bersama sasaran dakwah yang berbeza iaitu terdiri daripada pemimpin, kaum kerabat dan kaumnya, dapat dilihat bagaimana Nabi Ibrahim menggunakan ketiga-tiga qudwah iaitu *qudwah qauliyyah*, *qudwah fi'liyyah* dan *qudwah sakhsiyyah*. Demikianlah konsep *Qudwah Hasanah* yang telah ditonjolkan oleh Nabi Ibrahim alaihissalam yang wajar dijadikan panduan buat umat Islam dan para pendakwah khususnya dalam mendepani masyarakat Bukan Muslim di bumi Malaysia yang memiliki pelbagai etnik, agama dan kepercayaan.

Kesimpulan

Konsep *Qudwah Hasanah* ini diharap dapat diaplikasikan oleh para pendakwah juga umat Islam secara amnya. Ianya dilihat mampu mengekalkan keharmonian dan kebersamaan masyarakat berbilang agama di negara kita ini dan dapat memperlihatkan keindahan Islam di mata masyarakat Bukan Muslim. Oleh itu, sebagai cadangan daripada penulis, konsep *Qudwatul hasanah* ini boleh dimasukkan sebagai elemen penilaian pendakwah di mana-mana badan atau organisasi dakwah di Malaysia. Ia juga boleh digunakan dalam membina modul dalam kurikulum dan diperluaskan di sekolah dalam pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) dan boleh dimasukkan sebagai elemen penilaian keberhasilan guru.

Rujukan

- al-Alūsī, Al-Baghdādī. t.t. *Tafsīr Rūh Al-Maʿāni*. Jzk 1-2. Cet.4. Beirut: Dār Al-Ihyā' Al-Turāth Al-ʿArabī.
- Al-Baʿlabakī, Ruhi. 2003. *Al-Mawrid Qamus 'Arabiy-Inkliziy*. Beirut: Dar al-ʿIlm li al-Malayīn.
- al-Baʿlabakī, Ruhi. 1995. *Al-Mawrid Qāmūs 'Arabī-Inklizī*. Beirut: Dār al-ʿIlm li al-Malayīn.
- al-Fayrūzābādī, Muhammad bin Yaʿqūb. 1992. *Tanwīr al-Maqābis Min Tafsīr Ibnu ʿAbbās*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- al-Šabūnī, Muhammad Ali. 1981. *Šafwah al-Tāfāsīr*. (Mujallad Thānī) Beirut: dār al-Qurʿān al-Karīm.
- al-Suyūṭī, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahallī & Jalal al-Din bin ʿAbd al-Rahmān bin Abī Bakr. 2004. *Tafsīr al-Jalālyn*. Dimashq: Dār al-Khayr.
- Azmil Hashim, Norhisham Muhamad, Mohd Marzuqi Abdul Rahim. 2016. *Qudwah Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE) Vol. 2: no. 3 (2016) page 28–35.
- ʿUlwān, ʿAbd Allah Nāsih. 1986. *Kayfa Yadʿū al-Dāʿiyah*. Beirut: Dār al-Salām.
- Ibn ʿĀshur, Muhammad Al-Tāhir. 1984. *Al-Tahrīr wa al-Tanwīr: Tahrīr al-Maʿānī al-Sadīd wa Tanwīr al-ʿAqli Al-Jadīd min Tafsīr al-Kitāb al-Mujīd*. Tunissia: al-Dār al-Tunissia.
- Ibnu Kathīr, Abī Al-Fida' Ismāʿīl. 2000. *Tafsīr al-Qurʿān al-ʿAzīm*. Muhammad ʿAbdul Rahman al- Marʿashli (ed.), (Jilid 4). Beirut: Dār Ehia al-Tawrath al-ʿArabī.
- Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. 2011. *al-Durr al-Mansūr fī al-Tafsīr al-Maʿsūr*. Juz 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Kamus Dewan. (4th ed.). 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairulhelmi Katip, Sulaiman Shakib Mohd. Noor & Ahmad Marzuki Muhamad. 2017. *Elemen Penilaian Amalan Qudwah Hasanah Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid*. E-Conference: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhamad Khairul Anuar Zulkepli & Mohd Zulkhairi Abd Hamid. 2021. *Unsur Tarbiyah Di Sebalik Gaya Bahasa Dialog Nabi Ibrahim Dengan Azar*. e-Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021).
- Muhd. Najib Abdul Kadir, Mabruri Mohammad Sai & Latifah Abdul Majid. 2013. Metodologi Dakwah kepada Ibu Bapa Bukan Muslim Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim AS. *Jurnal ISLAMIYYAT* 35(2) 2013: 57 – 66. *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*.
- Qutb, Sayyīd Ibrāhīm Husayn al-Shaʿrabi. 2003. *Fī Zilāl al-Qurʿān*. c.38. Kāherah: Dār al-Syurūq.
- Rohaily @ Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah Hj. Siren. 2018. Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s. Menurut al-Qurʿān dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini. *Jurnal usuluddin, Volume 46 (1) 2018: 23-44. Universiti Malaya*.